

04/09/2003

Penutup Bulan Kemerdekaan hadiah untuk PM

KOTA KINABALU: Sambutan Penutupan Bulan Kemerdekaan di Kompleks Sukan Likas di sini, pada 16 September, akan menjadi hadiah persaraan istimewa penduduk Sabah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi penganjurnya, Datuk Anifah Aman, berkata banyak acara istimewa sudah disusun bagi memastikan sambutan kali ini menjadi kenangan istimewa Dr Mahathir apabila bersara penghujung bulan depan.

"Kita harap dengan penyediaan secara komprehensif semua atur acara, penutupan ini adalah penghargaan bermakna penduduk Sabah kepada Perdana Menteri atas jasa dan sumbangan beliau," katanya selepas mendengar taklimat dan meninjau tapak Penutupan Bulan Kemerdekaan peringkat kebangsaan di Kompleks Sukan Likas, semalam.

Katanya, tetamu lain yang hadir pada majlis itu termasuk Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Mizan Zainal Abidin, yang akan menyempurnakan penutupan berkenaan.